

PM enggan ulas mmbakan Kabinet

BH 25 JUL 2002

Oleh Kadir Dikoh dan
Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, enggan menjawab soalan wartawan sama ada akan ada rombakan Kabinet dalam tempoh peralihan kuasa sehingga Oktober tahun depan.

Sebaliknya, ketika ditanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno petang ini, Perdana Menteri antara lain menjawab:

“Saya akan beritahu anda apabila ia berlaku atau mungkin apabila ia sudah berlaku,” katanya.

Ditanya sekali lagi adakah ada rancangan untuk berbuat demikian, Presiden Umno itu secara berseoroh berkata, beliau mempunyai banyak rancangan, termasuk bagaimana untuk menghadapi wartawan.

“Saya merancang banyak perkara, termasuk bagaimana menghadapi anda dan soalan anda,” katanya yang juga Menteri Kewangan.

Persoalan mengenai rombakan Kabinet timbul sejak Dr Mahathir membuat kejutan untuk melepaskan semua jawatan parti dan kerajaan pada Perhimpunan Agung Umno bulan lalu sebelum ditarik

balik dan satu formula peralihan kuasa dipersetujui.

Dr Mahathir menamakan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pengantinya apabila mengundurkan diri pada Oktober 2003.

Ditanya sama ada mesyuarat MT turut membincangkan lebih lanjut mengenai kemungkinan pemilihan dalam parti yang dijadualkan Jun tahun depan ditangguhkan, beliau berkata perkara itu tidak dibincangkan.

“Tak tahu laej, kita tak buat keputusan lagi...itu bukan perkara yang dibincangkan,” katanya yang baru-baru ini menyatakan MT pada dasarnya bersetuju menangguhkan pemilihan itu.

Mengikut perlembagaan Umno, ia boleh menangguhkan pemilihan 18 bulan dan jika berlaku, pemilihan boleh diadakan 18 bulan selepas Jun tahun depan, iaitu sehingga akhir 2004.

Menurut sumber, pemilihan dalam Umno mungkin diadakan selepas pilihan raya umum akan datang bagi mengelak perpecahan dalam parti. Mandat kerajaan sekarang akan berakhir pada November 2004 tetapi ramai percaya pilihan raya umum diadakan tahun depan.

Perkiraan itu dibuat untuk memastikan peralihan

kuasa dalam Umno dan kerajaan berjalan lancar.

balam perkembangan lain. Dr Mahathir berkata Umno sudah menerima keputusan kerajaan berhubung pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris.

“Bahasa Inggeris (dalam pengajaran Matematik dan Sains) kita dah terima, bukan masalah,” katanya sambil menambah mesyuarat Kabinet hari ini juga tidak membincangkan lebih lanjut mengenai cadangan pelaksanaannya.

Ditanya sama ada sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil akan melaksanakan keputusan kerajaan itu, Dr Mahathir berkata perkara itu belum diputuskan Kabinet tetapi yakin sekolah berkenaan akan menerimanya.

“Kita belum putuskan sama ada guna atau tak guna, tetapi kita berpendapat mereka akan guna,” katanya.

Sabtu lalu, Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad mengumumkan penggunaan bahasa Inggeris bagi kedua-dua subjek itu akan dilaksanakan di tahun satu, tingkatan satu dan enam rendah semua sekolah kebangsaan mulai tahun depan sebelum dilaksanakan sepenuhnya pada semua peringkat menjelang 2008.